

LATAR BELAKANG

Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (FUU, UKM) telah menubuhkan Klinik Bantuan Guaman yang dinamakan sebagai Klinik Literasi dan Bantuan Guaman (KLBG). KLBG ditubuhkan pada 1 April 2013 dan telah dilancar oleh Mantan Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Tun Ariffin Zakaria. KLBG menyediakan perkhidmatan konsultasi kes sama ada kes di Mahkamah Sivil dan Mahkamah syariah. Selain itu KLBG juga menganjurkan program-program literasi undang-undang kepada masyarakat seperti webinar dan ceramah literasi undang-undang. KLBG pernah ditempatkan di Bangunan Wisma UNIKEB pada tahun 2013 hingga 2018. Selepas itu KLBG beroperasi di Bangunan Mahkamah Moot, Fakulti Undang-Undang, UKM. Pada tahun 2023, melalui inisiatif Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (TNC HEJIM) UKM serta kerjasama dengan pihak UNIKEB, telah mencapai satu kata sepakat untuk menempatkan kembali KLBG di Bangunan Wisma UNIKEB sebagai salah satu kerjasama strategik antara pihak UKM dan UNIKEB. Kini KLBG beroperasi di dua lokasi iaitu di Bangunan Mahkamah Moot, Fakulti Undang-Undang, UKM dan di Aras 3, Bangunan Wisma UNIKEB.

WAKTU OPERASI



Isnin-jumaat
8.30 Pagi - 4.30 Petang

MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI



Klinik Literasi dan Bantuan Guaman
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43650 Bangi, Selangor

—
Pusat Khidmat

Klinik Literasi dan Bantuan Guaman
Aras 3, Bangunan Wisma UNIKEB,
43600 Bangi, Selangor



Sila Imbas borang pendaftaran

Perkhidmatan Percuma

- ☎ 03-8911 8193
- 📱 KLBGUKM
- 📧 @KLBGUKM
- 📍 @klinikbantuanguamanukm
- ✉ klb_guamanfuu@ukm.edu.my



Klinik Literasi & Bantuan Guaman

Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia





PERKHIDMATAN KAMI



NASIHAT GUAMAN

- Nasihat guaman secara percuma tanpa mengira latar belakang.
- Nasihat diberikan oleh pensyarah Fakulti Undang-Undang, UKM mengikut kepakaran bidang masing-masing dan panel peguam yang dilantik.



PROGRAM LITERASI UNDANG-UNDANG

- Bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran undang-undang secara percuma. Dianjurkan di pelbagai institusi seperti sekolah, jabatan dan agensi kerajaan serta kawasan komuniti. Dilaksanakan secara bersemuka dan secara atas talian.



PENGANTARAAN (MEDIATION)

- Membantu dalam penyelesaian konflik melalui proses perundingan atau muafakat pihak-pihak dengan bantuan oleh pengantara.
- Ia merupakan medium penyelesaian pertikaian alternatif bagi membantu pihak-pihak menyelesaikan konflik tanpa melibatkan perbicaraan di mahkamah.
- Perkhidmatan ini dikendalikan oleh mediator bertauliah dari Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Ahli Akademik Fakulti Undang-undang, UKM.



KHIDMAT NASIHAT KEKELUARGAAN

- Membantu pasangan yang menghadapi konflik kekeluargaan, seperti masalah tidak sefahaman, campur tangan keluarga dan pasangan suami isteri tidak bertanggungjawab.
- Perkhidmatan ini juga merangkumi Kaunseling Syarie, Terapi Psikospiritual Islam dan *Ilaj Syarie* yang menyediakan khidmat nasihat, kaunseling, bimbingan kekeluargaan dan terapi kepada penyakit sosial dalam masyarakat. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh pegawai bertauliah dari Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK Care Center) JAKIM dan Ahli Akademik Fakulti Undang-undang, UKM.



PERKHIDMATAN JURUBAHASA ISYARAT UNTUK GOLONGAN OKU

- Membantu orang kurang upaya (OKU) Pekak yang memerlukan perkhidmatan di KLBG. KLBG menyediakan jurubahasa Isyarat bertauliah yang dilantik dalam kalangan Ahli Akademik Fakulti Pendidikan, UKM.



BIDANG UNDANG-UNDANG



Kes Sivil

- Perkara sivil, termasuk pertikaian tanah, kebangkrutan, pertikaian kontrak yang melibatkan perjanjian jual beli dan sewaan, serta kes-kes perbankan dan kewangan Islam.



Kes Jenayah

- Semua kes jenayah



Kes Syariah

- Kes-kes kekeluargaan, termasuk perceraian, hak penjagaan anak, hak nafkah anak, hutang perkahwinan, harta sepencarian, wasiat, pertunangan (ganti rugi) dan lain-lain
- Kes-kes jenayah Syariah seperti, persetubuhan luar nikah, khalwat, berjudi minum arak dan lain-lain



Kepenggunaan

- Kes-kes yang berkaitan dengan tuntutan pengguna terhadap pengilang, pengedar, penjual dan pemaju perumahan.